

Pinda perlembagaan masalah tafsiran — Mahathir

UM 29 NOV 1983

KUALA LUMPUR, 28 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menganggap bahawa masalah pindaan perlembagaan adalah masalah kecil yang melibatkan tafsiran sesuatu perkataan dan ayat yang berbeza.

Perdana Menteri yang berkata di luar teks semasa berucap merasmikan persidangan dwitahunan Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) di sini menambah, dalam masalah menyelesaikan tuntutan gaji, masalah sebenar adalah masalah tafsiran seperti juga dalam hal masalah pindaan perlembagaan.

Katanya, ada kesatuan sekerja yang menganggap perkataan "pertimbangan" itu bermakna "persetujuan" sedangkan apabila kerajaan tidak setuju maka

dianggap tuntutan mereka tidak ditimbang.

Begitu juga dalam zaman British, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, penjajah melantik "penasihat" tetapi bagi mereka "nasihat mesti dipatuhi" yang bererti bahawa perkataan "nasihat" dalam anggapan mereka adalah "arahan."

"Terdahulu itu, Perdana Menteri menyatakan ucapan terima kasih beliau kepada CUEPACS dan MTSU kerana menyatakan sokongan usaha beliau dalam menyelesaikan masalah pindaan perlembagaan.

gan.

Katanya, "sokongan CUEPACS, MTSU dan kesatuan -- kesatuan sekerja lain melalui surat dan telegram kepada saya untuk mengatasi sedikit masalah mengenai perlembagaan menyebabkan perasaan saya tidaklah terlalu terpencil dan keseorangan dalam menghadapi masalah itu."

Presiden CUEPACS, Encik Ahmad Nor dan Setiausaha Agung MTSU, Encik A. Ragnathan dalam ucapan masing-masing sebelum itu telah menyatakan sokongan kesatuan masing

- masing terhadap usaha kerajaan dalam mengatasi masalah pindaan perlembagaan dan berharap dengan kepintaran dan kematangan politik Datuk Sri Dr. Mahathir, isu itu akan selesai.

Mengenai tuntutan kenaikan gaji, Perdana Menteri itu berkata bahawa soalnya bukan gaji tidak cukup tetapi sebenarnya gaji di manamana di dunia tidak akan pernah cukup.

"Saya dulu bekerja sebagai kerani dengan gaji \$80 sebulan yang saya rasa tidak cukup, kemudian saya jadi doktor dengan gaji dari \$400

yang kemudian naik sehingga \$780, \$1,000 dan \$3,000 sebulan semasa mengendalikan klinik sendiri tetapi saya rasa masih tidak cukup," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Bagaimanapun, apabila saya jadi Perdana Menteri, baru saya rasa gaji saya cukup tetapi jawatan ini hanya satu dalam negara ini kerana kalau ada dua Perdana Menteri, saya akan tubuhkan kesatuan sekerja dan menuntut gaji lebih," tambah beliau dengan disambut oleh kira-kira 300 orang perwakilan MTSU dalam persidangan itu.